



UiTM@Media

2016

Karya Inovasi

UiTM@Media
2016

6 juara reka bangku stesen MRT

» *Idea kreatif pelajar IPT dipasang di enam hentian*

Oleh Wan Nur Faligha
Wan Hazani
bhnews@bh.com.my

■ Sungai Buloh

Enam penuntut institusi pengajian tinggi (IPT) berjaya memenangi hadiah utama Pertandingan Reka Bentuk Bangku anjuran Mass Rapid Corporation Sdn Bhd (MRT Corp) dan MMC Gamuda KVMRT (T) Sdn Bhd (MGKT), semalam.

Keenam-enam mereka ialah Mohd Saiful Anuar Zamri dari Politeknik Sultan Haji Ahmad Shah, Chong Chin Sheng (Kolej Erican, Kuala Lumpur), Chan Lee Kang (Universiti Sains Malaysia), Lee Ling (Kolej Erican), Siti Nur Hajar Kamsani (Universiti Tek-

nologi MARA Seri Iskandar) dan Chia Sen Chung (Kolej Saito, Petaling Jaya).

Bawa pulang RM7,000

Kemenangan itu membolehkan mereka masing-masing membawa pulang wang tunai RM7,000 dan sijil penyertaan yang disampaikan oleh Pengarah Projek MRT Corp laluan SBK, Marcus Karakashian di Pusat Latihan KVMRT di sini.

Hasil reka bentuk itu akan dipasangkan di enam stesen bawah tanah laluan MRT Sungai Buloh-Kajang (SBK) iaitu stesen Muzium Negara, Merdeka, Pasar Seni, TRX, Cochrane dan Maluri.

Karakashian berkata, pertandingan yang julung kali diadakan itu bertujuan menggalakkan peserta mencipta bangku yang kreatif bagi kegunaan orang ramai di stesen bawah tanah KVMRT.

“Rekaan dan idea itu perlu asli, mempunyai nilai estetik dan inovatif untuk menampakkan bakat kreatif peserta terbabit.

“Malah, reka bentuk bangku juga perlu mempunyai struktur serta gabungan keunikan yang baik untuk ditempatkan di enam stesen itu,” katanya ketika ditemui, di sini, semalam.

Beliau berkata, pihaknya menerima 133 reka bentuk dari 19 IPT dan hanya 21 reka bentuk dipilih ke peringkat akhir.

Gabungan tiga bangsa

Katanya, pihaknya juga memberi dana RM500 kepada finalis untuk digunakan dalam mereka bentuk bangku.

Seramai 15 finalis lain turut menerima hadiah sagu hati iaitu wang tunai RM3,500 berserta sijil penyertaan.

Sementara itu, Siti Nur Hajar, 23, berkata reka bentuk bangku yang diciptanya itu berkonsepkan kehidupan bandar.

“Menerusi konsep bangku ini saya gabungkan tiga bangsa yang ada di negara kita iaitu Melayu, Cina dan India yang hidup bersatu dalam suasana harmoni,” katanya.



Karakashian (empat dari kiri) bersama enam pemenang utama Pertandingan Reka Bentuk Bangku anjuran MRT Corp dan MMC Gamuda KVMRT di Sungai Buloh, semalam.

UiTM@Media 2016

• **Penasihat**

Profesor Emeritus Dato' Dr Hassan Said
Naib Canselor

• **Ketua Projek**

Alfina Bakar

• **Pengurus Produksi**

Darus Kasim
Rosly Mahmud

• **Penyelaras Bahan Akhbar**

Firdaus Abd Hanan
Hanisah Yacob
Datin Umminajah Salleh

• **Pembantu**

Penyelaras Bahan Akhbar

Hazizi Jantan
Nor Azlina Nordin
Samsinah Selamat
Raja Nazrul Raja Hisham

• **Pereka Grafik Utama**

Junaidy Talib

• **Pereka Grafik**

Rosdi Abdul Hamid
Mohd Nor Firdaus Mohd Isa

• **Sumber Keratan Akhbar**

Utusan Malaysia, Mingguan Malaysia, Berita Harian, Berita Minggu,
New Straits Times, The Star, Sunday Star, The Sun, Star Metro,
Kosmo, Harian Metro, Sinar Harian.

